

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

BEBERAPA PENJELASAN MENGENAI TAWAF WADA‘, SUJUD *TILAWAH* DAN QUNUT.¹

Oleh:

Pengiran Haji Zamiri bin Pengiran Haji Jamaludin
Pegawai Buhuts Kanan,
Haji Hairulazmi bin Abdullah
Pegawai Istinbat,
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Muqaddimah

Ketika melaksanakan ibadat haji atau umrah, selain melaksanakan rukun-rukun dan wajib-wajibnya, salah satu kewajipan yang wajib dilaksanakan juga ialah tawaf *wada‘*.

Tawaf *wada‘* merupakan pekerjaan terakhir yang wajib dilakukan sebelum meninggalkan Makkah setelah selesai segala urusan-urusan haji dan umrah. Oleh kerana tawaf *wada‘* wajib dilakukan setelah selesai segala urusan, maka timbul isu-isu yang memerlukan penjelasan berkaitan dengan perkara-perkara yang dilakukan selepas melaksanakan tawaf *wada‘*. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membawakan perkara-perkara yang disebutkan oleh ulama'-ulama' mazhab Syafi'i yang berkaitan dengan tawaf *wada‘*.

Kertas kerja ini juga membawakan penjelasan ulama' mengenai beberapa permasalahan yang berkaitan dengan isu-isu mengerjakan sembahyang secara berjemaah di tanah suci, iaitu mengenai sujud *tilawah* dan bacaan doa qunut.

Oleh itu, kertas kerja ini membawakan tiga buah tajuk iaitu tawaf *wada‘*, sujud *tilawah* dan doa qunut.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1440H / 2019M, Anjuran Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, pada 21 Jamadilakhir 1440 / 26 Februari 2019.

1. Tawaf *Wada'*

1.1 Pengertian Tawaf *Wada'*

Tawaf *wada'* juga dikenali tawaf *as-sadar*, yang bermaksud tawaf selamat tinggal.²

1.2 Hukum Tawaf *Wada'*

Imam an-Nawawi *rahimahullâh* menyebutkan bahawa menurut pendapat yang paling shahih (*al-ashah*) dalam mazhab asy-Syafi'i, hukum tawaf *wada'* adalah wajib ke atas orang yang hendak keluar meninggalkan Makkah sama ada orang Makkah atau bukan orang Makkah sebagai penghormatan kepada tanah haram.³

Hukum ini tidak terkecuali sama ada orang itu selepas mengerjakan haji ataupun umrah. Ini kerana menurut pendapat yang paling shahih (*al-ashah*), tawaf *wada'* bukanlah sebahagian dari *manasik* haji, bahkan ia adalah ibadat yang tersendiri (*mustaqillah*) yang diperintahkan ke atas siapa sahaja yang hendak meninggalkan Makkah.

Berkata al- Baghawi dan al-Mutawalli dan lainnya:

لَيْسَ طَوَافُ الْوَدَاعِ مِنَ الْمَنَاسِكِ بَلْ هُوَ عِبَادَةٌ مُسْتَقِلَّةٌ يُؤْمَرُ بِهَا كُلُّ مَنْ أَرَادَ مُفَارَقَةَ مَكَّةَ إِلَى
مَسَافَةِ الْقَصْرِ..⁴

Ertinya: *Tawaf wada'* bukan sebahagian dari *manasik*, bahkan ia adalah ibadat tersendiri yang diperintahkan ke atas sesiapa sahaja yang hendak meninggalkan Makkah ke tempat yang dibolehkan mengqashar sembahyang..

Dalam hal ini, menurut fuqaha', adapun maksud orang yang hendak meninggalkan Makkah itu ialah pergi keluar Makkah menuju ke satu tempat yang dibolehkan

² Asy-Syaikh Syams ad-Din Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, Kitab Mughni al-Muhtaj, Dar al-Fikr, Beirut, 1998, Jil. 1, hlm. 677.

³ Al-Imam ar-Rabbani Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-I'dhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah, Al-Maktabah al-Imdadiyyah, Makkah al-Mukarramah, 1994, hlm. 408.

⁴ Al-Imam Abi Zakariyya Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, Kitab al_majmu', Maktabah al-Irsyad, Jeddah, hlm. 235.

mengqashar sembahyang atau kembali ke negerinya atau pergi ke suatu tempat yang dia hendak tinggal di tempat itu bermuqim.

Oleh yang demikian, fahaman yang mengatakan bahawa tawaf *wada'* itu hanya wajib dikerjakan selepas mengerjakan ibadat haji dan sunat untuk dikerjakan selepas mengerjakan umrah adalah fahaman yang keliru.

1.3 Keluar Kota Makkah Tanpa Melakukan Tawaf *Wada'*

Berkata Imam an-Nawawi *rahimahullâh*:

وَمَنْ وَجِبَ عَلَيْهِ طَوَافُ الْوَدَاعِ فَخَرَجَ بِلاَ وَدَاعٍ عَصَى وَوَجِبَ عَلَيْهِ الْعَوْدُ لِلطَّوَافِ مَا لَمْ يَبْلُغْ
 مَسَافَةَ الْقَصْرِ مِنْ مَكَّةَ فَإِذَا بَلَغَهَا لَمْ يَجِبْ عَلَيْهِ الْعَوْدُ بَعْدَ ذَلِكَ، وَمَتَى لَمْ يَعُدْ وَجِبَ عَلَيْهِ الدَّمُّ،
 وَمَنْ عَادَ قَبْلَ مَسَافَةِ الْقَصْرِ سَقَطَ عَنْهُ الدَّمُّ، وَإِنْ عَادَ بَعْدَ بُلُوغِ مَسَافَةِ الْقَصْرِ لَمْ يَسْقُطْ عَنْهُ
 الدَّمُّ.⁵

Ertinya: *Dan sesiapa yang wajib ke atasnya tawaf wada', lalu dia keluar (dari Makkah) tanpa melakukan tawaf wada', (ini bererti) dia telah berbuat dosa. Maka wajib ke atasnya kembali semula (ke Makkah) untuk melakukan tawaf wada' selama mana jarak perjalanannya belum mencapai jarak yang dibolehkan mengqasar sembahyang dari Makkah. Namun, jika perjalanannya sudah mencapai jarak qasar sembahyang, maka dia tidak diwajibkan kembali semula (ke Makkah) selepas itu. Apabila dia tidak kembali, (maka) wajib ke atasnya dam. Sesiapa yang kembali semula (ke Makkah) sebelum perjalanannya mencapai jarak qasar sembahyang, (maka) gugur darinya dam. Jika dia kembali semula (ke Makkah) lalu mengerjakan tawaf wada' tetapi perjalanannya telahpun mencapai jarak qasar sembahyang, maka tidak gugur darinya dam.*

⁵ Al-Imam ar-Rabbani Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-I'dhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah, Al-Maktabah al-Imdadiyyah, Makkah al-Mukarramah, 1994, hlm. 407.

Berdasarkan perkataan ulama' di atas, dapat difahami bahawa orang yang meninggalkan Makkah tanpa melaksanakan tawaf *wada'* maka dia melakukan perkara dosa dan wajib dia kembali ke Makkah untuk melaksanakan tawaf *wada'* jika perjalanannya belum mencapai jarak yang dibolehkan mengqasar sembahyang. Jika dia kembali dan melaksanakan tawaf *wada'* sebelum mencapai jarak qasar sembahyang, maka tidak wajib ke atasnya dam. Jika dia tidak kembali ke Makkah untuk mengerjakan tawaf *wada'* setelah mencapai jarak qasar sembahyang maka wajib ke atasnya membayar dam. Begitu juga bagi orang yang tidak melakukan tawaf *wada'* disebabkan kerana sengahaja, jahil atau terlupa, atau orang tersebut kembali semula ke kota Makkah untuk melaksanakan tawaf *wada'* setelah melebihi jarak qasar sembahyang, dia masih diwajibkan membayar dam.

1.4 Dam Kerana Meninggalkan Tawaf *Wada'*

Menurut Imam an-Nawawi *rahimahullâh*, jika seseorang itu meninggalkan tawaf *wada'*, maka menurut pendapat yang *ashah*, dia diwajibkan membayar dam. Dam yang dimaksudkan disini ialah kategori dam *tertîb wa taqdîr*.⁶

Sebagaimana yang diterangkan oleh Imam al-Kurdi *rahimahullâh* yang dimaksudkan dengan *tertîb* ialah tidak boleh berpindah kepada dam yang kedua melainkan orang yang membayar dam tersebut tidak mampu melakukan dam yang pertama. Manakala maksud *taqdîr* pula ialah berpindah kepada gantian lain dengan kadar yang telah ditetapkan oleh syara' yakni tidak lebih dan tidak kurang.

Ini bererti, bagi sesiapa yang meninggalkan tawaf *wada'* tanpa ada keuzuran yang dibenarkan oleh syara', wajib membayar mengikut susunan dam yang telah ditetapkan dalam kategori dam *tertîb wa taqdîr* yakni tidak boleh dipilih atau diganti dengan yang lain kecuali tidak berkemampuan mengerjakannya dan hendaklah merujuk kepada kadar dam tersebut yang telah ditetapkan oleh syara'.⁷

Dam *tertîb wa taqdîr* bagi orang yang meninggalkan tawaf *wada'* itu hendaklah menyembelih seekor kambing atau menggantikannya dengan 1/7 unta atau 1/7 lembu

⁶ Al-Imam ar-Rabbani Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-I'dhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah, Al-Maktabah al-Imdadiyyah, Makkah al-Mukarramah, 1994, hlm. 473.

⁷ Muhammad Thahir bin 'Abd al-Qadir bin Mahmud al-Kurdi al-Makkiy, Irsyad az-Zumrah li Manasik al-Hajj wa al-'Umrah, Maktabah wa Mathba'ah al-Babiy al-Halabiy, t.tpt, hlm. 61.

sebagaimana mengikut syarat-syarat pada binatang korban. Jika dia tidak mampu untuk melakukannya, maka hendaklah dia berpuasa selama 10 hari.

1.5 Tempat Penyembelihan Dan Pengagihan Dam

Menurut Imam al-Khathib asy-Syarbini *rahimahullâh*, dam yang wajib itu adalah kerana melakukan perkara yang diharamkan atau kerana meninggalkan perkara yang diwajibkan seperti tawaf *wada'*. Manakala penyembelihan binatang-binatang tersebut hanya khusus dilakukan di Tanah Haram sahaja menurut *qaul* yang *azhhar*, dan wajib daging sembelihan itu, kulitnya dan bahagian-bahagiannya yang lain seperti bulu dan selainnya, disedekahkan kepada orang-orang miskin dan fakir di Tanah Haram sekalipun kepada orang asing (bukan dari penduduk Tanah Haram).

Seterusnya, Imam al-Khathib asy-Syarbini *rahimahullâh* juga menyebutkan bahawa masa untuk menunaikan dam wajib itu tidak ditetapkan namun sunat menyembelih binatang yang dijadikan dam itu pada hari-hari Nahar dan Tasyriq.⁸

1.6 Dam Berpuasa 10 Hari

Menyentuh mengenai dam puasa 10 hari dalam kategori *tertîb wa taqdîr* bagi yang meninggalkan tawaf *wada'*, Imam al-Kurdi *rahimahullâh* menerangkan puasa tersebut boleh dilakukan selepas dia sampai ke tempat yang wajib ke atasnya membayar dam, iaitu apabila perjalanannya telah mencapai jarak qasar sembahyang yakni dua *marhalah* atau lebih.⁹

Dalam hal ini, Syeikh 'Abdul Fattah Hussein Rawah al-Makki *rahimahullâh*, penyusun al-Ifshâh 'ala Masâil al-Idhâh menerangkan lagi dengan lebih lanjut bahawa jika orang yang meninggalkan tawaf *wada'* itu tidak mampu untuk menyembelih seekor kambing atau apa-apa yang sebanding dengannya, maka dia wajib berpuasa selama 10 hari

⁸ Asy-Syaikh Syams ad-Din Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, Kitab Mughni al-Muhtaj, Dar al-Fikr, Beirut, 1998, Jil. 1, hlm. 678.

⁹ Muhammad Thahir bin 'Abd al-Qadir bin Mahmud al-Kurdi al-Makkiy, Irsyad az-Zumrah li Manasik al-Hajj wa al-'Umrah, Maktabah wa Mathba'ah al-Babiy al-Halabiy, t.tpt, hlm. 62.

dengan melakukannya sama ada setelah perjalanannya sampai jarak qasar sembahyang atau sampai ke rumahnya atau sampai ke tempat yang dia hendak bermuqim.

Al-‘Allamah as-Sayyid al-Jurdani *rahimahullah* pula menjelaskan bahawa sesiapa yang meninggalkan tawaf *wada‘*, dia boleh berpuasa ketika dia telah sampai ke tempat tujuan dia bermastautin atau setelah perjalanannya mencapai jarak qasar sembahyang. Beliau juga menjelaskan bagi sesiapa yang tidak berkemungkinan untuk melaksanakan puasa tiga hari yang disyaratkan dilaksanakan semasa dalam haji sehinggalah dia sampai ke tempat negaranya atau tempat dia bermastautin maka dia boleh memisahkan puasanya tiga hari dan tujuh hari itu dengan beberapa hari mengikut kadar masa perjalanannya balik ke tempatnya.¹⁰

1.7 Perempuan Yang Haidh Tidak Diwajibkan Tawaf *Wada‘*

Tawaf *wada‘* wajib dilaksanakan sebelum keluar dari Makkah. Walau bagaimanapun terdapat golongan yang diberikan *rukhsah* atau pengecualian untuk tidak melaksanakan tawaf *wada‘* kerana sebab-sebab tertentu. Antaranya golongan yang diberikan *rukhsah* ialah perempuan yang haidh.

Perempuan yang haidh tidak wajib mengerjakan tawaf *wada‘*¹¹ berdasarkan hadits-hadits Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*, antaranya:

- i. Diriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbas *radhiallahu ‘anhuma* katanya, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

أُمِرَ النَّاسُ أَنْ يَكُونُوا آخِرَ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ إِلَّا أَنَّهُ خُفِّفَ عَنِ الْحَائِضِ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Diperintahkan manusia pada akhir masa mereka berada di negeri Makkah (mengerjakan tawaf di keliling) Baitullah (Ka‘bah), kecuali diberi keringanan (untuk tidak bertawaf) kepada perempuan yang haidh.*

¹⁰ Al-‘Allamah as-Sayyid Muhammad Abdullah al-Jurdani, Fath al-‘Allam, Dar as-Salam, Mesir, 1410/1990, jil. 4, hlm. 445.

¹¹ Syamsuddin Muhammad bin abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 3, hlm. 317.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

- ii. Diriwayatkan daripada Ibnu Umar *radhiallahu ‘anhuma*, katanya, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ حَجَّ الْبَيْتَ فَلْيَكُنْ آخِرَ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ إِلَّا الْحَيْضَ، وَرَحَّصَ هُنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

(رواه الترمذي)

Maksudnya: Sesiapa yang mengerjakan haji di Baitullah (Ka‘bah), maka hendaklah di akhir masa berada di negeri Makkah (mengerjakan tawaf) di keliling Baitullah (Ka‘bah), kecuali perempuan yang haidh dan Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* memberi keringanan (kelonggaran) kepada mereka itu.

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Berdasarkan hadits-hadits di atas, maka dapat disimpulkan bahawa perempuan yang kedatangan haidh boleh keluar meninggalkan Makkah tanpa perlu mengerjakan tawaf *wada‘*, dan dia tidak dikenakan dam (denda) sebagaimana disebutkan oleh ar-Ruyani *rahimahullah*.¹²

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Salamah dan Urwah *rahimahumallah*:

أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ: حَاضَتْ صَفِيَّةُ بِنْتُ حُيَيِّ بَعْدَ مَا أَفَاضَتْ، قَالَتْ عَائِشَةُ: فَذَكَرْتُ حِيضَتَهَا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((أَحَابِسْتُنَا هِيَ؟))

¹² Asy-Syaikh Syams ad-Din Muhammad bin al-Khatib asy-Syarbini, Kitab Mughni al-Muhtaj, Dar al-Fikr, Beirut, 1998, Jil. 1, hlm. 686, Syamsuddin Muhammad bin abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 3, hlm. 317.

قَالَتْ: فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّهَا قَدْ كَانَتْ أَفَاضَتْ وَطَافَتْ بِالْبَيْتِ، ثُمَّ حَاضَتْ بَعْدَ الْإِفَاضَةِ،
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلْتَنْفِرْ

(رواه مسلم)

Maksudnya: *Sesungguhnya ‘Aisyah berkata: “Shafiyah binti Huyai datang haidh setelah selesai mengerjakan tawaf ifadhah”. ‘Aisyah berkata: “Maka aku beritahukan perkara haidhnya itu kepada Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam.” Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: “Adakah dia menghalangi kita?” ‘Aisyah berkata: “Maka aku menjawab: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya dia telah mengerjakan haji dan tawaf (ifadhah) di Baitul Haram, kemudian dia datang haid setelah mengerjakan tawaf ifadhah.” Maka Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Maka biarkan dia berangkat pulang (tanpa melakukan tawaf wada’).*

(Hadits riwayat Muslim)

Hadits tersebut adalah dalil yang menunjukkan gugurnya kewajiban tawaf *wada’* terhadap perempuan yang haidh.¹³

Walau bagaimanapun jika semasa meninggalkan kota Makkah, dia suci daripada haidh sebelum keluar daripada kota Makkah, maka dia diwajibkan kembali untuk mengerjakan tawaf *wada’*. Berlainan halnya jika dia suci setelah berada di luar kota Makkah, dia tidak diwajibkan kembali ke Makkah untuk mengerjakan tawaf *wada’*, sekalipun dia masih di tanah haram.¹⁴

¹³ Shahih Muslim bi Syarh Imam an-Nawawi 6/3583.

¹⁴ Asy-Syaikh Syams ad-Din Muhammad bin al-Khatib asy-Syarbini, Kitab Mughni al-Muhtaj, Dar al-Fikr, Beirut, 1998, Jil. 1, hlm. 686, Syamsuddin Muhammad bin abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 3, hlm. 317.

1.8 Orang-Orang Yang Diberikan Kelonggaran Melaksanakan Tawaf *Wada'* Selain Perempuan Yang Haidh

Selain dari perempuan yang haidh, ada beberapa golongan lain lagi diberikan *rukhsah* untuk melaksanakan tawaf *wada'*. Imam Ibnu Hajar dan Imam ar-Ramli *rahimahumallah* menyebutkan:

(وَلِلْحَائِضِ) وَالنَّفْسَاءِ وَمِثْلَهُمَا مُسْتَحَاضَةٌ نَفَرَتْ فِي نَوْبَةِ حَيْضِهَا وَذُو جُرْحٍ نَضَّاحٍ يُخْشَى مِنْهُ تَلْوِيطُ الْمَسْجِدِ (التَّفَرُّ بِلَا) طَوَافٍ (وَدَاعٍ) تَخْفِيفًا عَنْهَا كَمَا فِي الصَّحِيحَيْنِ نَعَمْ إِنْ ظَهَرَتْ ، أَوْ انْقَطَعَ مَا يَخْرُجُ مِنَ الْجُرْحِ قَبْلَ مُفَارَقَتِهِ مَا لَا يَجُوزُ الْقَصْرُ فِيهِ مِمَّا مَرَّ لَزِمَهَا الْعَوْدُ لِطُوفٍ ، أَوْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمْ يَلْزَمَهَا لِلإِدْنِ لَهَا فِي الإِنْصِرَافِ وَبِهِ فَارَقَتْ مَا مَرَّ فِيْمَنْ حَرَجَ بِلَا وَدَاعٍ وَالْحَقُّ بِهَا الْمُحِبُّ الطَّيِّبِيُّ مَنْ خَافَ نَحْوَ ظَالِمٍ ، أَوْ عَرِيمٍ ، وَهُوَ مُعْسِرٌ وَفَوَّتَ رُقُقَةً ، وَنَظَرَ فِيهِ الْأَذْرَعِيُّ ثُمَّ بَحَثَ وَجُوبَ الدِّمِّ وَفَرَّقَ بَانَ مَنَعَهَا عَزِيمَةٌ بِخِلَافٍ هَؤُلَاءِ.¹⁵

Ertinya: (Bagi perempuan yang haidh) dan nifas dan sama seperti kedua-duanya juga perempuan yang istihadhah yang meninggalkan Makkah pada hari giliran haidhnya dan orang yang terdapat luka yang meleleh yang ditakuti menyebabkan mengotorkan masjid (meninggalkan segera tanpa) tawaf (*wada'*) satu keringanan ke atasnya sebagaimana dalam hadits shahih. Jika sudah suci atau terhenti sesuatu yang keluar dari luka itu sebelum dia berpisah dari tempat yang tidak diharuskan qashar padanya sebagaimana telah lalu disebutkan semestinya dia kembali untuk mengerjakan tawaf. Atau jika selepas berpisah, tidak semestinya dia kembali untuk tawaf kerana ada keizinan baginya ketika meninggalkan itu sebagaimana telah lalu disebutkan dalam orang yang keluar tanpa tawaf *wada'*. Ath-Thabari juga mengaitkan perempuan yang haidh ini dengan orang yang takut umpama orang zalim, orang yang minta hutang

¹⁵ Al-Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajr al-Haitami, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-'Abbadi, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 4, hlm. 160-161, Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 3, hlm. 317.

sedangkan ketika itu dia susah dan orang yang takut ketinggalan teman. Al-Azhra 'ie mempunyai pendapat kemudian dia mewajibkan dam dan membezakan bahawa menegah orang yang haidh itu ditetapkan berbeza dengan mereka.

Al-'Allamah al-Bakri *rahimahullah* juga menyebutkan:

(قوله: لِعَيْرِ حَائِضٍ) أَمَّا هِيَ: فَلَا يَجِبُ عَلَيْهَا طَوَافُ الْوَدَاعِ. وَمِثْلُ الْحَائِضِ النَّفْسَاءِ، وَذُو الْجُرْحِ الَّذِي لَا يَأْمَنُ تَلْوِثَ الْمَسْجِدِ مِنْهُ، وَفَاقِدُ الطَّهْوَرَيْنِ، وَالْمُسْتَحَاضَةُ فِي زَمَنِ نَوْبَةِ حَيْضِهَا، وَالْحَائِفُ عَلَى نَفْسٍ، أَوْ بَضْعٍ أَوْ مَالٍ لَوْ تَأَخَّرَ لَهُ.¹⁶

Ertinya: (Katanya: Bukan bagi perempuan yang haidh) Adapun dia: Tidak wajib ke atasnya tawaf wada'. Seperti perempuan yang haidh itu juga ialah perempuan yang nifas, orang yang terdapat luka yang tidak selamat mengotorkan masjid, orang yang tidak terdapat air atau tanah untuk mengangkat hadats besar, perempuan yang istihadhah pada masa giliran haidhnya,, orang yang takut pada nyawa, barang atau harta jika ia terlewat kerana mengerjakan tawaf wada'.

Syeikh 'Abdul Fattah Hussein Rawah al-Makki *rahimahullâh* juga menyebutkan bahawa ulama' juga menyamakan dengan perempuan yang haidh itu dengan perempuan yang nifas, perempuan istihadhah yang belayar ketika giliran haidhnya, jika tidak ketika giliran haidhnya maka wajib baginya tawaf wada' ketika selamat dari mengotorkan masjid, orang-orang yang *salasul baul* dan seumpamanya, orang yang belum *mukallaf*, budak kecil dan orang yang lemah anggota badan, orang yang dipaksa, orang yang takut dari orang yang zalim atau ditinggalkan rombongan atau orang yang menghutangi ketika dia susah.¹⁷

Dari penjelasan para ulama' di atas dapat diambil kesimpulan golongan yang mempunyai keringanan atau *rukhsah* dan dikecualikan dari melaksanakan tawaf wada' adalah seperti berikut:

¹⁶ Al-'Allamah Abi Bakr 'Utsman bin Muhammad Syaththa ad-Dimyathi al-Bakri, Hasyiyah I'anah ath-Thalibin, Al-Maktabah at-Taufiqiyah, Mesir, t.th., jil. 2, hlm. 668-669.

¹⁷ Abdul Fattah Hussein Rawah al-Makkiy, Kitab al-Idaah fi Manasik al-Hajj, Dar al-Basya'ir, 1994, hlm. 406.

1. Perempuan yang haidh dan nifas,
2. Perempuan yang beristihadhah pada ketika giliran haidnya,
3. Orang yang mengalami luka yang mengalir yang boleh mengotori masjid,
4. Orang yang tidak terdapat air atau tanah untuk mengangkat hadats besar,
5. Orang yang *salasul baul* (sentiasa keluar air kencing) atau seumpamanya,
6. Orang yang takut jika mengerjakan tawaf *wada'* akan dizalimi, diminta hutang ketika dia susah,
7. Budak kecil yang belum *mukallaf* dan orang yang lemah anggota badannya,
8. Orang yang takut akan tertinggal oleh temannya atau rombongannya jika dia mengerjakan tawaf *wada'*,
9. Orang yang takut akan dirinya, barang dan hartanya akan binasa jika mengerjakan tawaf *wada'*.

1.9 Perkara Yang Harus Dan Tidak Harus Dilakukan Selepas Tawaf *Wada'*

Terdapat beberapa keadaan yang diharuskan untuk dilakukan oleh jemaah setelah selesai melaksanakan tawaf *wada'*. Perkara ini antaranya ada disebutkan oleh Imam an-Nawawi *rahimahullah*:

يَنْبَغِي أَنْ يَقَعَ طَوَافُ الْوُدَاعِ بَعْدَ جَمِيعِ الْأَشْغَالِ وَيَعْتَمِدُ الْخُرُوجُ بِلَا مُكْتَفٍ فَإِنْ مَكَثَ نَظَرَ إِنْ
كَانَ لِعَيْبٍ عُذْرٍ أَوْ لَشُغْلٍ غَيْرِ أَسْبَابِ الْخُرُوجِ كَشِرَاءِ مَتَاعٍ أَوْ قَضَاءِ دَيْنٍ أَوْ زِيَارَةِ صَدِيقٍ أَوْ عِيَادَةِ
مَرِيضٍ لَزِمَهُ إِعَادَةُ الطَّوَافِ وَإِنْ اشْتَعَلَ بِأَسْبَابِ الْخُرُوجِ كَشِرَاءِ الزَّادِ وَشَدِّ الرَّحْلِ وَنَحْوِهِمَا فَهَلْ

يَخْتَأَجُ إِلَىٰ أَعَادَتِهِ فِيهِ طَرِيقَانِ (قَطَعَ) الْجُمْهُورُ بِأَنَّهُ لَا يَخْتَأَجُ وَ لَوْ أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَصَلَّاهَا
مَعَهُمْ لَمْ يَعِدِ الطَّوَّافُ نَصَّ عَلَيْهِ الشَّافِعِيُّ فِي الْإِمْلَاءِ وَاتَّفَقَ عَلَيْهِ الْأَصْحَابُ وَاللَّهُ أَعْلَمُ¹⁸

Ertinya: *Sepatutnya tawaf wada' itu dilakukan selepas selesai semua urusan dan terus keluar selepasnya dari Makkah tanpa menetap. Jika dia menetap dilihat sebabnya. Jika dia menetap bukan disebabkan keuzuran atau urusan yang tiada berkaitan dengan keluar dari Makkah seperti membeli barang-barang atau melunaskan hutang atau menziarahi kawan atau melawat orang sakit maka wajib baginya mengulangi tawaf. Jika dia sibuk menguruskan persediaan untuk keluar dari Makkah seperti membeli bekalan dan mengemaskan barang-barang dan seumpamanya, adakah dia perlu mengulang tawaf wada'? Dalam perkara ini terdapat dua pendapat dan jumhur telah memutuskan bahawasanya tidak perlu mengulang tawafnya... Sekiranya didirikan sembahyang maka dia sembahyang bersama mereka, dia tidak dikehendaki untuk mengulangi tawaf, disebutkan nash ini oleh Imam asy-Syafi'i dalam kitab al-Imla' dan telah disepakati oleh al-Ashhab. Wallahu a'lam.*

Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* juga menyebutkan mengenai perkara-perkara yang harus dilakukan dan yang tidak harus dilakukan oleh orang yang hendak keluar dari Makkah dengan katanya:

(وَلَا يَمْكُتُ بَعْدَهُ) كَرَّعَتَيْهِ وَالِدُّعَاءِ الْمُنْدُوبِ عَقِبَهُمَا ثُمَّ عِنْدَ الْمُتَزِمِ ، وَإِنْ أَطَالَ فِيهِ بِغَيْرِ
الْوَارِدِ ، وَإِثْنَانِ زَمَزَمَ لِيَشْرَبَ مِنْ مَائِهَا ، فَإِنْ مَكَتَ لِذَلِكَ وَحْدَهُ أَوْ مَعَ فِعْلٍ جَمَاعَةٍ أُقِيمَتِ عَقِبَهُ
وَفِعْلُ شَيْءٍ يَتَعَلَّقُ بِالسَّفَرِ كَشِرَاءٍ زَادَ وَشَدَّ رَحْلٍ ، وَإِنْ طَالَ لَمْ يَلْزِمُهُ إِعَادَتُهُ وَإِلَّا كَعِيَادَةٍ ، وَإِنْ
قَلَّتْ وَقُضِيَ دَيْنٌ وَصَلَاةٌ جِنَازَةٌ عَلَىٰ مَا افْتَضَاهُ إِطْلَافُهُمْ لَكِنَّ الْأَوْجَهَ بَلْ الْمَنْصُوصِ اغْتِفَارُ مَا

¹⁸ Al-Imam Abi Zakariyya Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, Kitab al_majmu', Maktabah al-Irsyad, Jeddah, hlm. 234-235.

بِقَدْرِ صَلَاةِ الْجِنَازَةِ أَي: أَقَلَّ مُمَكِّنٍ مِنْهَا فِيمَا يَظْهَرُ مِنْ سَائِرِ الْأَغْرَاضِ إِذَا لَمْ يُعْرَجْ لَهَا. لَزِمَتْهُ
وَلَوْ نَاسِيًا ، أَوْ جَاهِلًا بِخِلَافٍ مَنْ مَكَثَ بِالْإِكْرَاهِ ، أَوْ نَحْوِ إِغْمَاءٍ عَلَى الْأَوْجِه¹⁹.

Ertinya: (Dan dia tidak menetap selepasnya, serta selepas perkara-perkara yang berkaitan dengannya) seperti menunaikan dua raka'at selepas tawaf, doa yang disunatkan selepas sunat tawaf dua raka'at, kemudian di Multazam walaupun dia memanjangkan doanya dengan yang bukan warid, dan mendatangi zamzam kerana minum dari airnya. Jika dia menetap kerana menunaikan sembahyang sunat itu sama ada dia mendirikan seorang diri atau bersama jemaah selepasnya dan perkara-perkara yang disebutkan tadi dan melakukan sesuatu yang berkaitan dengan pelayaran seperti membeli bekalan dan mengemas barang-barang walaupun lama, tidak dimestikan dia mengulang tawaf wada'nya. Jika tidak (jika dia menetap tanpa hajat atau ada hajat yang tidak berkaitan dengan pelayaran) seperti menziarahi orang sakit, walaupun sekejap, melunaskan hutang dan sembahyang jenazah sebagaimana yang telah diputuskan dalam perkataan mereka. Akan tetapi pendapat yang awjah bahkan disebutkan dalam nash bahawa dimaafkan (membuat sesuatu perbuatan) dalam kadar mengerjakan sembahyang jenazah, iaitu dalam kadar mengerjakannya seringkas mungkin, bagi apa-apa tujuan, dengan syarat dia tidak singgah atau berhenti atas tujuan tersebut. Dia mesti mengulang tawaf wada' walaupun lupa atau jahil, berlainan bagi sesiapa yang menetap dengan paksaan atau umpama pengsan menurut pendapat yang awjah.

Imam ar-Ramli rahimahullah juga menjelaskan:

(وَلَا يَمَكُثُ بَعْدَهُ) مِمَّا يَتَعَلَّقُ بِهِ مِنْ رُكْعَتَيْهِ وَالِدُعَاءِ الْمَحْبُوبِ عَقِبَهُ عِنْدَ الْمُلتَزِمِ وَإِتْيَانِ زَمَزَمِ
وَالشُّرْبِ مِنْ مَائِهَا لِخَبَرِ مُسْلِمِ السَّابِقِ ، فَإِنْ مَكَثَ لِغَيْرِ حَاجَةٍ أَوْ حَاجَةٍ لَا تَتَعَلَّقُ بِالسَّفَرِ
كَالزِّيَارَةِ وَالْعِيَادَةِ وَقَضَاءِ الدِّينِ فَعَلَيْهِ إِعَادَتُهُ ، لَا إِنْ اشْتَعَلَ بِرُكْعَتَيْ الطَّوَافِ أَوْ بِأَسْبَابِ الْخُرُوجِ

¹⁹ Al-Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajr al-Haitami, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-'Abbadī, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 4, hlm. 158-159.

كشراء الزاد وأوعيته وشد الرحل أو أقيمت الصلاة فصلاها معهم كما في زيادة الروضة ، قال في المهمات : وتقدم في الاعتكاف أن عيادة المريض إذا لم يعرج لها لا تقطع الولاء بل يعتقر صرف قدرها في سائر الأغراض، وكذا صلاة الجنابة فيجري ذلك هنا بالأولى ، وقد نص عليه الشافعي في الإملاء.²⁰

Ertinya: (Dan tidak menetap selepasnya, serta selepas) apa-apa yang berkaitan dengannya dari sembahyang sunat dua raka'at tawaf, doa yang dianjurkan selepasnya di Multazam, mendatangi zam-zam dan minum airnya kerana terdapat hadits daripada Imam Muslim. Jika dia menetap tanpa hajat atau ada hajat tetapi tidak berkaitan dengan pelayaran seperti ziarah kawan, melawat orang sakit dan melunaskan hutang maka wajib ke atasnya mengulang tawaf wada'. Tidak mengulang jika dia sibuk dengan mengerjakan sembahyang sunat tawaf dua raka'at atau sibuk dengan persediaan-persediaan keluar dari Makkah seperti membeli bekalan dan bekasnya, mengemas barang-barang atau didirikan sembahyang dan dia bersembahyang bersama mereka sebagaimana tambahan dalam kitab ar-Raudhah. Berkata (al-Asnawi) dalam kitab al-Muhammat: Terdahulu disebutkan dalam bab i'ktikaf bahawasanya melawat orang sakit apabila dia tidak singgah untuk melawat tidak memutuskan kelangsungan (iktikaf) bahkan dimaafkan untuk membuat apa-apa tujuan dalam kadar melawat orang sakit. Begitu juga sembahyang jenazah, bahkan di sini ia lebih utama. Ini ada disebutkan oleh Imam as-Syafi'i dalam kitab al-Imla'.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan ulama' di atas dapat diambil kesimpulan seperti berikut:

1.9.1. Perkara Yang Harus Dilakukan Selepas Selesai Tawaf Wada'

Dalam keadaan tertentu, seseorang yang selesai melakukan tawaf wada' kadang-kadang mendapati dirinya tidak dapat segera keluar daripada kota Makkah kerana mempunyai

²⁰ Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 3, hlm. 316.

urusan-urusan tertentu yang perlu dilaksanakan. Dalam hal ini, sebagaimana yang disebutkan oleh fuqaha', bagi sesiapa yang menanggukkan atau melengahkan seketika perjalanannya atau pemergiannya keluar daripada kota Makkah selepas selesai tawaf *wada'* kerana keuzuran-keuzuran yang diharuskan syara', maka tidak wajib ke atasnya untuk mengulang semula tawaf *wada'*nya. Adapun keuzuran-keuzuran yang diharuskan syara' itu, antaranya ialah:

1. Mengerjakan sembahyang sunat Tawaf dua rakaat dan perkara-perkara yang disunatkan untuk dilakukan setelah sembahyang sunat Tawaf seperti membaca doa di Multazam, pergi ke telaga Zamzam dan minum air Zamzam.
2. Menguruskan keperluan untuk perjalanan (musafir) seperti membeli bekalan, bekas atau perkakas, dan mengemas barang-barang sekalipun urusan ini mengambil masa yang agak panjang.
3. Kembali semula ke rumahnya (tempat penginapan) hanya sebentar untuk mengambil barang-barang terutama barang-barang yang perlu dijaga keselamatannya (iaitu barang-barang yang tidak diangkat ke dalam kenderaan lebih awal bersama barang-barang yang lain) dan selepas itu dia dengan segera menaiki kenderaan untuk bertolak.
4. Berkebetulan pada ketika atau setelah dia melakukan tawaf *wada'* sembahyang berjemaah didirikan. Dalam hal ini, jika dia ikut sembahyang berjemaah, maka dia tidak perlu mengulang semula tawafnya.

Di samping itu, menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *rahimahullâh* dalam kitabnya *Hâsiyah al-'Allamah Ibn Hajar al-Haitami 'ala Syarh al-Idhâh fi Manâsik al-Hajj* dan Imam al-Kurdi al-Makki *rahimahullâh* dalam kitabnya *Irsyad az-Zumrah li Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, sekiranya selepas melakukan tawaf *wada'*, seseorang itu masih lagi berada di kota Makkah disebabkan ada keuzuran seperti pengsan, sedang menunggu perkumpulan, tertegah daripada keluar seperti dipaksa untuk terus menetap atau mendiami Makkah, takut terancam terhadap keselamatan hartanya sekalipun untuk menghilangkan keuzuran-keuzuran tersebut mengambil masa yang agak lama, maka orang tersebut tidak diwajibkan mengulang tawaf *wada'*nya.

Maka sesiapa yang menghadapi keuzuran-keuzuran yang disebutkan di atas selepas selesai sahaja melakukan tawaf *wada'* sehingga menyebabkan dia terlewat untuk berangkat keluar daripada kota Makkah, dia bolehlah terus sahaja keluar daripada kota Makkah apabila keuzuran yang dihadapinya itu telah selesai tanpa mengulang semula tawaf *wada'*nya.

1.9.2. Perkara Yang Menyebabkan Tawaf *Wada'* Perlu Diulang

Jika seseorang yang telah selesai melakukan tawaf *wada'* itu masih lagi terus menetap yakni tidak bersegera keluar meninggalkan kota Makkah, maka dalam keadaan tertentu, orang tersebut perlu mengulang tawaf *wada'*nya sekali lagi sebelum dia keluar meninggalkan kota Makkah. Adapun perkara-perkara yang menyebabkan tawaf *wada'* tersebut perlu diulang sebagaimana yang disebutkan oleh para ulama asy-Syafi'iyah dalam kitab-kitab muktabar mereka, antaranya ialah:

1. Dia masih tetap menunggu atau tetap diam di Makkah dengan tiada keuzuran atau tidak ada keperluan atau hajat.
2. Dia masih tetap menunggu atau tetap diam di Makkah kerana lupa atau jahil tentang hukum tawaf *wada'*.
3. Dia masih tetap menunggu atau tetap diam di Makkah kerana ada hajat atau sebab, akan tetapi hajat atau sebabnya itu tiada kaitan dengan pelayaran atau perjalanan yang bakal ditempuhinya, umpamanya kerana pergi membeli-belah, menziarahi kawan, melawat orang sakit, membayar atau menyelesaikan hutang.

Maka kesemua perkara yang disebutkan di atas tidak dianggap sebagai hajat atau keuzuran yang berkaitan dengan pelayaran. Oleh yang demikian, hendaklah dia mengulang semula tawaf *wada'*nya sebelum dia hendak keluar meninggalkan kota Makkah.²¹

²¹ Fatwa Mufti Kerajaan siri 14/2017.

1.10 Bagaimana kedudukan perkara berikut:

1.10.1 Lepas tawaf *wada'* jemaah balik hotel dan mengerjakan sembahyang fardhu dan berehat-rehat di biliknya sebelum berkumpul di lobi.

Jawapan:

Sebagaimana yang dijelaskan di atas bahawa tawaf *wada'* dikerjakan selepas selesai semua urusan. Selepas mengerjakan tawaf *wada'*, hendaklah terus keluar Makkah kecuali perkara-perkara yang disebutkan di atas dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keluar dari Makkah atau urusan pelayaran. Dalam perkara mengerjakan sembahyang selepas tawaf *wada'*, Imam an-Nawawi *rahimahullah* menyebutkan:

وَلَوْ أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَصَلَّاهَا مَعَهُمْ لَمْ يُعَدَّ الطَّوَّافَ نَصًّا عَلَيْهِ الشَّافِعِيُّ فِي الْإِمْلَاءِ وَاتَّفَقَ عَلَيْهِ

الْأَصْحَابُ وَاللَّهُ أَعْلَمُ²²

Ertinya: *Sekiranya didirikan sembahyang maka dia sembahyang bersama mereka, dia tidak dikehendaki untuk mengulangi tawaf, disebutkan nash ini oleh Imam asy-Syafi'i dalam kitab al-Imla' dan telah disepakati oleh al-Ashhab.*

Menurut penjelasan Imam an-Nawawi *rahimahullah* di atas, jika bertepatan selepas melakukan tawaf *wada'* masuk waktu sembahyang fardhu maka boleh dilakukan bersama jemaah lain dan tidak dikehendaki untuk mengulangi tawaf *wada'*.

Adapun berehat-rehat di bilik hotel sebelum berkumpul di lobi bukanlah perkara yang dianggap hajat atau keuzuran yang berkaitan dengan urusan pelayaran. Perbuatan berehat-rehat bertentangan dengan suruhan bersegera keluar dari Makkah selepas melakukan tawaf *wada'*. Jika dia melakukan yang demikian, maka dia dikehendaki mengulang tawaf *wada'*.

²² Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-Majmu', Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th, Jil. 8, hlm. 235.

1.10.2 Lepas tawaf *wada'* jemaah terus berkumpul menunggu di lobi hotel berehat di kerusi lalu tertidur.

Jawapan:

Pada dasarnya kita disuruh meninggalkan Makkah sejeurus selepas mengerjakan tawaf *wada'*. Pada kebiasaannya jemaah disuruh menunggu di lobi sama ada menunggu kenderaan atau selesai urusan-urusan pelayaran. Jika ketika menunggu di lobi itu dia duduk di kerusi lalu tidak dapat menahan diri daripada tertidur maka tidak dimestikan ke atasnya mengulang tawaf *wada'*.

1.10.3 Selepas tawaf *wada'* jemaah berselfie atau meminta pertolongan orang lain untuk mengambil gambar atau membantu mengambil gambar di dalam Masjidil Haram.

Jawapan:

Para ulama' telah menggariskan perkara-perkara yang sunat dilakukan selepas mengerjakan tawaf *wada'* dan yang berkaitan dengannya, seperti menunaikan sembahyang sunat tawaf dua raka'at, berdoa di Multazam, pergi ke telaga untuk meminum air zam-zam.

Dalam permasalahan mengambil gambar selepas melakukan tawaf *wada'*, hendaklah dilihat keadaan seseorang itu dengan jelas dan teliti.

Apabila dirujuk kepada perkara-perkara yang diharuskan selepas selesai melakukan tawaf *wada'*, perbuatan mengambil gambar tidak termasuk dalam keuzuran-keuzuran yang dibenarkan oleh syara'. Oleh itu, dapatlah disimpulkan seperti berikut:

- (i) Jika seseorang itu mengambil gambar sehingga menyebabkan perbuatannya itu melengahkan permergiannya keluar daripada Kota Makkah seperti seseorang yang mencari-cari tempat untuk bergambar di sekitar Masjid al-Haram sehingga perbuatannya bergambar itu menyebabkan dia tertahan seketika daripada keluar untuk menuju ke tempat penginapan bagi urusan perjalanan balik, maka wajib ke atasnya

mengulang semula tawaf *wada'*nya sebelum dia keluar meninggalkan kota Makkah.

Jika dia keluar tanpa mengulang semula tawaf *wada'*nya, maka hukumnya adalah berdosa dan wajib dia pulang semula ke Makkah jika perjalanannya belum sampai jarak qasar sembahyang untuk melakukan tawaf *wada'*nya. Namun, jika perjalanannya itu telah mencapai jarak qasar sembahyang, dia tidak wajib pulang semula ke Makkah akan tetapi dia diwajibkan membayar dam *tertîb wa taqdîr* seperti yang diterangkan di atas.

- (ii) Jika seseorang itu mengambil gambar ketika sedang berhimpun di lobi hotel bagi menunggu-nunggu ketibaan kenderaan yang membawanya keluar daripada Kota Makkah atau sudah berada di dalam bas dan sedang menanti jemaah-jemaah lain masuk ke dalam bas untuk bertolak keluar daripada Kota Makkah atau ketika berada di dalam bas yang sedang bergerak keluar meninggalkan kota Makkah, maka dalam hal-hal yang tersebut, dia tidak perlu mengulang semula tawaf *wada'*nya kerana perbuatan sedemikian tidak dianggap melengahkan masa keluar daripada Kota Makkah.²³

1.10.4 Selepas tawaf *wada'* jemaah menunaikan sembahyang sunat selain sembahyang sunat tawaf.

Jawapan:

Sembahyang sunat tawaf dua raka'at disunatkan mengerjakan selepas tawaf *wada'* dan jika dilakukan tidak dikehendaki untuk mengulang tawaf *wada'*. Selain sembahyang sunat tawaf dua raka'at, para ulama' juga menyebutkan bahawa tidak dimestikan mengulang tawaf *wada'* jika menyertai sembahyang yang kebetulan didirikan berjemaah setelah selesai tawaf *wada'* seperti sembahyang jenazah.

Manakala sembahyang sunat-sunat yang lain selain yang disebutkan oleh ulama' yang dilakukan selepas melaksanakan tawaf *wada'* maka adalah lebih sesuai memperbanyak melakukannya sebelum pelaksanaan tawaf *wada'*.

²³ Fatwa Mufti Kerajaan siri 14/2017

2. Sujud *Tilawah*

2.1 Pengertian Sujud *Tilawah*

Sujud *tilawah* ialah sujud kerana membaca atau mendengar ayat al-Qur'an yang disunatkan padanya sujud. Ayat-ayat al-Quran yang disunatkan sujud *tilawah* itu dinamakan ayat-ayat *sajdah*.

Ini bermakna sujud *tilawah* itu merupakan di antara adab-adab ketika membaca al-Qur'an.

2.2 Hukum Sujud *Tilawah*

Sujud *tilawah* adalah *sunat* menurut pendapat jumhur ulama. Manakala Imam Abu Hanifah (Imam mazhab Hanafi) berkata bahawa sujud *tilawah* itu wajib sama ada ke atas pendengar atau pembaca.

Hukum sunat ini bersandarkan hadits yang diriwayatkan oleh *Al-Syaikhain* (Al-Bukhari dan Muslim) daripada Ibnu Umar *radhiallahu 'anhuma* katanya:

أَنَّه صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ فَيَقْرَأُ سُورَةً فِيهَا سَجْدَةٌ فَيَسْجُدُ وَنَسْجُدُ مَعَهُ حَتَّىٰ مَا يَجِدُ بَعْضُنَا مَوْضِعًا لِمَكَانِ جَبْهَتِهِ.

Maksudnya: *Bahawasanya Nabi shallallahu 'alaihi wasallam telah membaca al-Qur'an, lalu Baginda membaca satu surah yang di dalamnya ada ayat 'sajdah', maka Baginda pun bersujud lalu kami pun sujud bersama-sama Baginda sehingga sesetengah daripada kami tidak mendapati tempat untuk meletakkan dahinya.*

Menurut hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radhiallahu 'anhu* tentang *fadhilat* melakukan sujud *tilawah*, Baginda bersabda:

إِذَا قَرَأَ ابْنُ آدَمَ السَّجْدَةَ فَسَجَدَ اعْتَرَلَ الشَّيْطَانُ يَبْكِي. يَقُولُ: يَا وَيْلَهُ! أُمِرَ ابْنُ آدَمَ بِالسُّجُودِ فَسَجَدَ فَلَهُ الْجَنَّةُ, وَأُمِرْتُ بِالسُّجُودِ فَأَبَيْتُ فَلِيَ النَّارُ.

(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: *Apabila anak Adam itu membaca ayat al-Quran yang menuntut untuk sujud, syaitan akan mengasingkan dirinya lalu menangis dan berkata:” “Celakalah! Anak Adam telah diperintahkan untuk sujud ia pun sujud, maka baginya balasan syurga, dan aku diperintahkan untuk sujud maka aku enggan, maka balasan bagiku adalah neraka.*

(Hadits riwayat Ibnu Majah)

2.3 Ayat-Ayat Sajdah Di Dalam Al-Quran

Ayat-ayat yang disunatkan sujud setelah membacanya, menurut mazhab Asy-Syaf'ie, adalah seperti berikut:

1. Ayat ke 206 dari surah Al -A'raf.
2. Ayat ke 15 dari surah Al- Ra'd.
3. Ayat ke 50 dari surah Al- Nahl.
4. Ayat ke 109 dari surah Al- Isra'.
5. Ayat ke 58 dari surah Maryam.
6. Ayat ke 17 dari surah Al- Haj.
7. Ayat ke 77 dari surah Al- Haj.
8. Ayat ke 60 dari surah Al -Furqan.
9. Ayat ke 25 hingga 26 dari surah Al- Naml.
10. Ayat ke 15 dari surah Al -Sajdah.
11. Ayat ke 38 dari surah Fusshilat.
12. Ayat ke 62 dari surah Al- Najm.
13. Ayat pertama dari surah Al- Insyiqaq.
14. Ayat ke 21 dari surah Al -Insyiqaq.
15. Ayat ke 19 dari Al- 'Alaq

Untuk mengenali ayat-ayat *sajdah* itu pada kebiasaannya, di dalam *mushhaf* ditanda dengan garis dan di penghujung ayat itu ditanda dengan tanda yang berbentuk seakan-akan dom masjid sementara itu di bidainya tertulis perkataan (سجدة).

Adapun hikmah pengkhususan sujud pada tempat-tempat atau ayat-ayat yang tersebut di atas kerana ayat-ayat tersebut adalah merupakan pujian bagi mereka yang bersujud dan celaan bagi yang tidak bersujud sama ada secara terang-terangan ataupun secara isyarat sebagaimana yang dinaqalkan oleh Imam Al-Qalyubiy *rahimahullah* perkataan Ibnu Hajar *rahimahullah*.²⁴

2.4 Bila Waktu Sunat Sujud *Tilawah* Itu Dilakukan?

Sujud *tilawah* itu sunat dilakukan apabila ayat *sajdah* itu dibaca di luar sembahyang bukan pada waktu-waktu yang makruh menunaikan sembahyang sama ada ia bertujuan untuk melakukan sujud atau tidak.

Begitu juga sunat melakukan sujud *tilawah* ketika dalam sembahyang jika dibacakan ayat *sajdah* tersebut. Tetapi tidak disunatkan melakukan sujud *tilawah* jika membaca ayat *sajdah* itu semata-mata bertujuan (*qasad*) untuk melakukan sujud, kecuali jika ia membacanya pada sembahyang fardhu Subuh pada hari Jumaat adalah sunat ia melakukan sujud *tilawah* sekalipun ia bertujuan membacanya untuk sujud.

Berdasarkan keterangan di atas tidak sunat melakukan sujud pada waktu makruh menunaikan sembahyang sekalipun ayat *sajdah* dibaca di luar sembahyang begitu juga ketika dalam sembahyang dengan tujuan membaca ayat *sajdah* itu untuk melakukan sujud. Bahkan jika dibaca dalam sembahyang dengan *qasad* sujud *tilawah* lalu dia bersujud maka batal sembahyangnya itu.

2.5 Syarat-Syarat Sujud *Tilawah*

Hukum sujud *tilawah* itu sama seperti hukum sembahyang sunat dari segi syarat-syarat sahnya sujud itu, syarat-syarat itu adalah seperti berikut:

²⁴ Jalaluddin Muhammad bin Ahmad al-Mahalli, Hasyiyatan Qalyubi-‘Umairah, Dar al-Fikr, Beirut, 1419-1998, Jil. 1, hlm. 235.

- (i) Suci daripada hadats (kecil atau besar) dan juga bersih daripada najis sama ada pada tubuh badan, pakaian dan juga tempat.
- (ii) Orang yang hendak melakukan sujud *tilawah* itu juga di kehendaki dalam keadaan menutup aurat.
- (iii) Untuk melakukannya hendaklah menghadap kiblat.
- (iv) Hendaklah masuk waktunya ketika melakukan sujud itu. Adapun masuknya waktu sujud itu ialah sebaik sahaja selesai membaca atau mendengar keseluruhan ayat *sajdah*. Jika sekiranya ia bersujud sebelum lagi habis ayat itu di bacanya atau didengarnya maka sujud *tilawah* itu tidak sah dan tidak memadai.²⁵

2.6 Sujud *Tilawah* Di Dalam Sembahyang

Cara untuk melaksanakan sujud *tilawah* itu ada dua keadaan iaitu ketika dalam keadaan bersembahyang dan di luar sembahyang.

Sujud *tilawah* boleh dilakukan di dalam sembahyang, bahkan hukumnya adalah sunat, sama ada sembahyang itu dilakukan secara persendirian atau berjemaah. Kedudukan makmum pula untuk melakukan sujud *tilawah* itu, bergantung kepada imam. Jika imam bersujud kerana ayat *sajdah* iaitu ayat yang menuntut sujud, maka wajib ke atas makmum mengikuti perbuatan imam dengan melakukan sujud itu kerana jika tidak, maka batal sembahyangnya.

Sebaliknya jika imam tidak melakukannya maka makmum adalah tidak dikehendaki untuk melakukan sujud. Jika dilakukannya juga, maka sembahyangnya menjadi batal. Akan tetapi harus dan sunat hukumnya bagi makmum melakukan sujud *tilawah* selepas selesai memberi salam dengan syarat jarak di antara sujud dan salam itu tidak lama.

Jika sekiranya makmum tidak mengetahui bahawa imam telah melakukan sujud *tilawah* sehinggalah imam mengangkat kepalanya daripada sujud, maka tidaklah batal

²⁵ Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-Majmu', Dar al-Fikr, Beirut, 2000, Jil. 4, hlm. 65-66.

sembahyang makmum itu. Dia dimaafkan kerana tertinggalnya daripada perbuatan imamnya itu dan juga tidak dikehendaki melakukan sujud.²⁶

2.7 Sujud *Tilawah* Di Luar Sembahyang

Sepertimana yang telah dijelaskan bahawa sujud *tilawah* itu sunat juga dilakukan di luar sembahyang iaitu setelah selesai menghabiskan bacaan ayat *sajdah* atau mendengarnya, jika hendak melakukan sujud *tilawah* hendaklah berniat sujud *tilawah* kemudian bertakbir *iftitah* seperti *takbiratul ihram* dalam sembahyang.

Niat sujud *tilawah* ini adalah wajib bersandarkan kepada hadis Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* :

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: *Sesungguhnya amal perbuatan itu hanyalah dengan niat*

Begitu juga dengan *takbir iftitah* hukumnya adalah wajib kerana ia adalah merupakan syarat sujud *tilawah* itu menurut pendapat *al-ashah*.

Di samping berniat di dalam hati ia juga disunatkan melafazkan niatnya itu, seperti:

نَوَيْتُ سُجُودَ التَّلَاوَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: *Sahaja aku melakukan sujud tilawah kerana Allah Ta'ala*

Kemudian bertakbir sekali lagi untuk melakukan sujud tanpa mengangkat tangannya. Apabila hendak bangun dari sujud adalah disunatkan ketika mengangkat kepalanya dengan bertakbir.

Adalah disunatkan menurut pendapat *al-shahih* memanjangkan bacaan takbir yang kedua ketika hendak sujud sehingga ia meletakkan dahinya ke tempat sujud, dan juga bagi takbir yang ke tiga ketika bangkit dari sujud sehingga duduk semula.²⁷

²⁶ Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 2, hlm. 100.

²⁷ Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, Kitab al-Majmu', Maktabah al-Irsyad, Jeddah, t.th, Jil. 3, hlm. 561.

Setelah ia bangun dari sujud maka disudahi dengan salam iaitu dalam keadaan dia duduk tanpa bertasyahhud. Salam menurut pendapat *al-azhar* adalah wajib kerana ia merupakan syarat sebagaimana di dalam kitab *Syarah Al-Minhaj*.

Kesimpulannya perkara yang dituntut dan juga merupakan rukun sujud *tilawah* bagi orang yang melakukannya bukan di dalam sembahyang ialah niat sujud, takbir seperti yang dilakukan ketika hendak mengangkat takbir untuk menunaikan sembahyang, sujud dan juga salam .

Perlu diingat bahawa untuk melakukan sujud *tilawah* di luar sembahyang ini tidak disunatkan bangun dari duduk untuk berdiri (*qiam*) kemudian melaksanakan sujud, bahkan memadai hanya dalam keadaan duduk. Sementara itu jika dia dalam keadaan berdiri maka dilakukan *takbiratul ihram* dalam keadaan berdirinya itu kemudian membaca takbir dan sujud.²⁸

2.8 Bacaan Atau Zikir Ketika Sujud *Tilawah*

Adalah sunat hukumnya membaca zikir ketika di dalam sujud *tilawah*. Di antara zikir yang digalakkan itu ialah:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Ertinya: *Telah sujud wajahku kepada (Allah,Zat) yang Menciptakannya, yang Membentuknya dan yang Membuka pendengarannya serta penglihatannya dengan daya dan kekuatannya maka Maha berkat (serta maha tinggilah kelebihan) Allah sebaik-baik Pencipta.*

Dan zikir yang lain sebagaimana yang di sebut dalam hadits Baginda *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

²⁸ Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf an-Nawawi, *At-Tibyan Fi Adab Hamlah al-Qur’an*, Dar as-Salam, Mesir, 1429-2008, hlm. 240-241.

اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي بِهَا عِنْدَكَ أَجْرًا وَاجْعَلْهَا ذَخْرًا وَضَعَّ عَنِّي بِهَا وَزْرًا وَاقْبَلْهَا مِنِّي كَمَا قَبَلْتَهَا مِنِّي

عبدك داود

(رواه الترمذی)

Maksudnya : *Ya Allah tuliskan bagi ku dengan sujud ini pahala dan jadikanlah sujud ini berharga di sisiMu, hindarkanlah daripadaku dosa dengannya dan terimalah ia daripadaku sepertimana Engkau menerima sujud hambaMu Daud.*

(Hadits riwayat al-Tirmidzi)

Sementara itu Al-Ustaz Ismail Al-Dharir di dalam tafsirnya menaqlikan bahawa Imam Asy-Syafi‘ie memilih untuk diucapkan di dalam sujud tersebut :

سُبْحَانَ رَبِّنا إِنْ كَانَ وَعْدُ رَبِّنا لَمَفْعُولاً

Ertinya: *Maha suci tuhan kami, sungguh janji Tuhan kami tetap terlaksana.*

Walau bagaimanapun adalah harus dibawakan zikir yang biasa digunakan di dalam sujud sembahyang.

Menurut Imam Al-Qalyubiy bahawa sujud *tilawah* itu boleh diganti dengan zikir berikut bagi orang yang tidak melakukan sujud walaupun ia suci dari hadas (dalam keadaan berwudhu) seperti ucapan:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Ertinya: *Maha suci Allah dan segala puji-pujian bagiNya, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Allah itu Maha Besar.*

Dibaca zikir tersebut sebanyak empat kali kerana ia boleh menggantikan tempat *tahiyatul masjid*.²⁹

²⁹ Al-ustadz ad-Duktur Wahbah az-Zuhaili, Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh, Dar al-Fikr, 1418-1997, Jil. 2, hlm. 1136.

3. Bacaan Doa Qunut

3.1 Hukum Doa Qunut Dalam Sembahyang

Qunut adalah salah satu daripada sunat-sunat *ab'adh* dalam sembahyang yang tuntutannya termasuk dalam kategori sunnah *mu'akkadah* (yang sangat dituntut). Jika tertinggal atau sengaja ditinggalkan qunut ini, sungguhpun ia tidak membatalkan sembahyang, akan tetapi ia merupakan suatu kekurangan dan kerugian. Dari itu, bagi menambal kekurangan tersebut, disunatkan bagi orang yang tertinggal atau sengaja meninggalkan qunut untuk mengerjakan sujud sahwi bagi menambal kekurangan tersebut.

Jika dia syak atau ragu-ragu sama ada dia telah mengerjakan qunut atau tidak, maka dalam hal ini dia disunatkan untuk mengerjakan sujud sahwi kerana pada dasarnya dia dikirakan belum mengerjakannya.

Walau bagaimanapun, hanya qunut sembahyang fardhu Subuh serta qunut sembahyang sunat Witr pada separuh kedua bulan Ramadhan sahaja yang jika tertinggal ataupun ditinggalkan maka disyariatkan sujud sahwi. Adapun bagi qunut nazilah pula, jika ia tertinggal atau ditinggalkan, maka tidak disyariatkan sujud sahwi.

Bagi orang yang tidak pandai membaca qunut pula, disunatkan ke atasnya untuk berdiri dalam kadar bacaan qunut. Sekiranya dia meninggalkan pensyariatkan berdiri dalam kadar bacaan qunut ini, sama ada kerana tertinggal ataupun disenghajakan, maka disunatkan juga sujud sahwi ke atasnya.³⁰

3.2 Kedudukan Makmum Apabila Imam Tertinggal Atau Meninggalkan Qunut

Apabila seorang imam meninggalkan qunut sama ada kerana sengaja ataupun tidak, maka makmum hendaklah mengikut imamnya meninggalkan qunut itu. Bagaimanapun, harus bagi makmum untuk mengerjakan qunut yang ditinggalkan oleh imamnya itu

³⁰ Irsyad Hukum, Jabatan Mufti Kerajaan, 02/2013.

secara bersendirian dengan syarat dia masih sempat mengerjakan sujud yang pertama bersama-sama imam.³¹

Jika makmum tersebut khawatir dia tidak akan sempat mengerjakan sujud yang pertama bersama-sama imam sekiranya dia mengerjakan qunut yang ditinggalkan oleh imamnya itu, maka dalam hal ini makmum itu tidak diharuskan untuk mengerjakan qunut tersebut.³² Jika dikerjakannya juga, maka sembahyang makmum itu belum dikira batal kecuali setelah dia ketinggalan dua rukun *fi'li* daripada imam, iaitu dengan turunnya imam untuk mengerjakan sujud yang kedua sedangkan makmum masih mengerjakan qunut.³³

3.3 Makmum Bermazhab Syafi'e Mengerjakan Sembahyang Subuh Berimamkan Imam Bermazhab Hanafi Atau Hanbali

Persoalannya, dalam sembahyang berjemaah jika imam tidak membaca doa qunut sama ada dia terlupa atau sengaja meninggalkannya atau doa qunut sememangnya tidak disyariatkan menurut mazhab tertentu seperti mazhab Hanafi dan Hanbali sebagaimana yang biasa dialami apabila menunaikan sembahyang fardhu Subuh berjemaah di Masjidil Haram, Makkah, maka dalam hal yang sedemikian, apakah yang perlu dilakukan oleh ma'mum yang berimam dengan imam tersebut?

Dalam hal ini, Imam Ibn Hajar al-Haitami *rahimahullah* berkata:

³¹ Al-Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajr al-Haitami, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-'Abbadi, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 2, hlm. 186, Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 2, hlm. 75-76, Al-'Allamah Abi Bakr 'Utsman bin Muhammad Syaththa ad-Dimyathi al-Bakri, Hasyiyah I'anah ath-Thalibin, Al-Maktabah at-Taufiqiyah, Mesir, t.th., jil. 1, hlm. 435.

³² Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 2, hlm.75.

³³ Asy-Syaikh 'Abd al-Hamid asy-Syarwani, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-'Abbadi, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 2, hlm. 367, Syamsuddin Muhammad bin abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah ibn Syihabuddin ar-Ramli al-Manufi al-Mashri al-Anshari, Nihayah al-Muhtaj, Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. jil. 2, hlm. 75.

وَلَوْ افْتَدَى شَافِعِيٌّ بِخَنَفِيٍّ فِي الصُّبْحِ وَأَمَكَنَهُ أَنْ يَأْتِيَ بِهِ وَيَلْحَقَهُ فِي السَّجْدَةِ الْأُولَى فَعَلَّ وَإِلَّا
فَلَا ، وَعَلَى كُلِّ يَسْجُدٍ لِلْسَّهْوِ عَلَى الْمُنْقُولِ الْمُعْتَمَدِ بَعْدَ سَلَامِ إِمَامِهِ.³⁴

Ertinya: “Jika seorang yang bermazhab Syafi’i mengikut (berimamkan) seorang yang bermazhab Hanafi di dalam sembahyang Subuh (sedang dia tidak membaca doa qunut kerana di dalam mazhab Hanafi tidak disunatkan membaca doa qunut). (Jika) dia (makmum Syafi’i) dapat membaca doa qunut dan sempat mendapati imam pada sujud pertama, (maka sunat) dia melakukan (perkara tersebut). Jika dia tidak dapat melakukannya, maka tidak (disunatkan dia melakukannya dan batal sembahyangnya jika dia tertinggal dua rukun sembahyang yang panjang). (Walau bagaimanapun) dalam semua hal (tersebut), dia (disunatkan) bersujud sahwi menurut qaul muktamad selepas salam imamnya.”

Berdasarkan *nash* yang disebutkan di atas, jika imam tidak membaca doa qunut di dalam sembahyang Subuh, ma’mum disunatkan membaca doa qunut **jika** dia sempat melakukan sujud bersama-sama dengan imam pada sujud yang pertama. Jika dia tidak sempat berbuat demikian (membaca qunut dan sujud bersama-sama imam pada sujud yang pertama), maka hendaklah dia mengikut apa yang dilakukan oleh imam. Kemudian selepas itu, sama ada dia sempat membaca qunut ataupun tidak, disunatkan lagi baginya untuk melakukan sujud sahwi kerana terdapat kekurangan di dalam sembahyang imamnya.

Sujud sahwi tersebut, dilakukan selepas imam memberi salam, sebelum ma’mum sendiri memberi salam, sebagaimana yang diterangkan oleh Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani *rahimahullah* katanya:

³⁴ Al-Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajr al-Haitami, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-‘Abbadi, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 2, hlm. 186-187.

فَيَسُنُّ لِلشَّافِعِيِّ السُّجُودُ قُبَيْلَ سَلَامِهِ وَبَعْدَ سَلَامِ إِمَامِهِ سَوَاءً أَتَى الْمَأْمُومُ بِالْقُنُوتِ أَوْ لَمْ يَأْتِ بِهِ، لِأَنَّ سُجُودَهُ لِتَرْكِ إِمَامِهِ الْقُنُوتِ لَا لِتَرْكِ نَفْسِهِ.³⁵

Ertinya: “Disunatkan (ketika sembahyang Subuh) bagi ma’lum yang bermazhab Syafi’i melakukan sujud sahwi sebelum dia memberi salam setelah imamnya (yang bermazhab Hanafi atau Hanbali) memberi salam, sama ada ma’lum itu telah membaca qunut ataupun tidak, kerana sujudnya (ma’lum itu) adalah disebabkan imamnya meninggalkan qunut bukannya kerana dia sendiri yang meninggalkannya.”

Menurut *nash* yang disebutkan di atas, apabila seseorang itu menjadi ma’lum di belakang imam yang bermazhab Hanafi atau Hanbali semasa sembahyang Subuh, maka sunat bagi ma’lum itu melakukan sujud sahwi sebelum dia memberi salam setelah imam itu selesai memberi salam, sama ada ma’lum itu membaca qunut ketika i’tidal ataupun tidak membacanya, kerana sujud sahwi yang dilakukannya itu adalah disebabkan imam tersebut tidak membaca qunut.

Menurut ulama, untuk mendapatkan pahala bacaan doa qunut memadai dengan doa dan pujian, seperti:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي يَا عَفُورُ، وَارْحَمْنِي يَا رَحِيمُ.

Ertinya: “Ya Allah, ampunkanlah aku, Wahai Tuhan Yang Maha Pengampun, dan rahmatilah aku wahai Tuhan Yang Maha Mengasihani.”

Jelasnya, mengikut *nash-nash* ulama yang telah disebutkan, jika seseorang yang bermazhab Syafi’i mengikut imam yang bermazhab Hanafi atau Hanbali yang menurut pendapat mereka bahawa bacaan qunut tidak disyariatkan ketika mengerjakan sembahyang Subuh, sebagaimana yang berlaku di Kota Makkah, maklum yang bermazhab Syafi’i disunatkan untuk membaca doa qunut jika dia sempat melakukan sujud bersama imam pada sujud yang pertama. Jika dia tidak sempat berbuat demikian (membaca qunut dan sujud bersama-sama dengan imam pada sujud yang pertama),

³⁵ Al-Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajr al-Haitami, Hawasyi asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani wa asy-Syaikh Ahmad bin Qasim al-‘Abbadi, Dar al-Fikr, Beirut, 2014, jil. 2, hlm. 214. Hawasyi AsSYarwani wa Ibn Qasim: 2/197.

maka hendaklah dia mengikut apa yang dilakukan oleh imam. Kemudian selepas itu, disunatkan lagi baginya untuk melakukan sujud sahwi sebelum dia memberi salam selepas imam tersebut memberi salam, kerana sujud sahwi itu adalah disebabkan imam tersebut tidak membaca qunut.

Apa yang perlu diambil perhatian ialah jika makmum itu memilih untuk membaca qunut, maka hendaklah dia memastikan supaya tidak akan tertinggal dua rukun *fi'li* daripada imamnya ketika membaca qunut itu kerana jika tertinggal dua rukun *fi'li* itu tanpa ada keuzuran, maka batallah sembahyang ma'mum tersebut.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ